

'Kadar belia terbabit gejala sosial terkawal'

PUTRAJAYA: Salah laku belia negara tidak berada pada tahap membimbangkan walaupun media sering menghebohkan pelbagai kegiatan negatif mereka dari menjadi agenda perbincangan umum.

Kajian Indeks Belia Malaysia (IBM) 2006 bagi mengukur kualiti kesejahteraan hidup generasi belia juga menunjukkan bahawa majoriti belia tidak terbabit dengan gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, berjudi, minum arak, melepak, perlumbaan haram, seks sebelum kahwin dan merosakkan harta awara.

Hasil kajian oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan itu diumumkan Ketua Pegawai Eksekutifnya, ProfDr Samsudin A Rahim, di sini semalam.

"Kerap kali isu negatif berkaitan belia mendapat publisiti berlebihan sehingga menimbulkan kerisauan moral atau 'moral panic' di kalangan masyarakat mengenai gaya hidup generasi belia yang dianggap

tidak selari dengan aspirasi masyarakat dan negara," katanya.

Samsudin berkata berdasarkan skor IBM keseluruhan 68.7, boleh dirumuskan bahawa kualiti kesejahteraan hidup belia di Malaysia berada pada tahap baik dan majoriti mereka majoriti bebas daripada sebarang penyakit dan mempunyai pendedahan yang tinggi terhadap media dan teknologi maklumat.

Namun, katanya, sebahagian besar daripada 11.5 juta belia tidak berminat atau tidak mempunyai masa untuk bersukan dan berperaturan terutama selepas alam persekolahan.

Beliau berkata, data berkenaan diperolehi daripada hasil soal selidik 4,087 responden mengikut jantina, pendidikan dan taraf sosioekonomi, di seluruh negara pada Mac dan April lalu.

Katanya, data bagi domain aktiviti waktu senggang di kalangan belia hanya mencatatkan skor 21 iaitu tahap 'kurang baik' berbanding markah penuh 100.